

1. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, Unit Proses Teknik bertanggungjawab dalam melaksanakan proses pengkatalogan dan pengkelasan bahan monograf buku yang dibeli dari Unit Perolehan. Pada Disember 2007, nama unit telah ditukar kepada Unit Katalog & Metadata. Selaras dengan perkembangan dan fungsi unit yang semakin luas, format bahan yang dikatalog juga semakin bertambah. Pada tahun 2009, Unit Katalog & Metadata mula mengambil alih mengkatalog semua bahan monograf seperti buku, buku hadiah & pertukaran, tesis, Latihan Industri; bahan media seperti cakera padat, kaset, pita video, kit; dan juga buku elektronik yang dibeli secara *one time purchase*.

2. SKOP

Dasar Pengkatalogan dan Pengkelasan ini adalah merangkumi semua aktiviti atau proses yang berkaitan dengan pengkatalogan bahan yang diterima daripada Unit Perolehan dan Unit Media. Dasar ini digunakan oleh semua kakitangan Unit Katalog & Metadata dalam pelaksanaan proses pengkatalogan bahan perpustakaan.

3. OBJEKTIF

Tujuan utama dasar ini adalah untuk:

- ❖ Menjadi garis panduan yang boleh dirujuk semasa melakukan proses pengkatalogan dan pengkelasan
- ❖ Memastikan kualiti rekod bibliografik semua format bahan adalah terkawal dan mengikut standard yang ditetapkan.
- ❖ Memastikan proses pengkatalogan dan pengkelasan adalah mengikut standard dan piawaian antarabangsa iaitu *Library of Congress*.
- ❖ Memastikan rekod bibliografik bahan adalah lengkap dan tepat.
- ❖ Memastikan semua bahan yang telah diproses dapat diakses oleh pengguna.

4. MISI

Untuk memastikan rekod bibliografik semua bahan dikatalog mengikut standard dan piawaian yang telah ditetapkan bagi menyediakan perkhidmatan akses kepada pengguna perpustakaan

5. KATEGORI BAHAN YANG DIKATALOG

Bahan-bahan yang dikatalog oleh Unit Katalog & Metadata dikategorikan kepada beberapa format seperti berikut:

Buku

- ✚ Buku hadiah
- ✚ Pembelian

Buku elektronik

- ✚ NetLibrary
- ✚ GVRL
- ✚ SpringerLink
- ✚ Elsevier

Bahan media

- ✚ Pita Video
- ✚ Pita Kaset
- ✚ Disket
- ✚ CD-ROM
- ✚ DVD-ROM
- ✚ Peta
- ✚ Pelan
- ✚ Lukisan
- ✚ Poster

Tesis & *Final Year Project*

- ✚ Bercetak / CD-ROM

6. KOLEKSI

- a. Koleksi Rak Terbuka
Terdiri daripada bahan monograf yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan, sains dan teknologi, sains sosial, kesusasteraan dan kemanusiaan.
- b. Koleksi Rujukan
Terdiri daripada bahan-bahan seperti kamus, direktori, ensiklopedia, bibliografi, biografi, atlas, tesaurus, abstrak dan buku jawapan (*solution manual, lab manual, aswer*).
- c. Koleksi Rujukan Kursus
Terdiri daripada buku-buku yang digunakan sebagai rujukan dalam kursus yang ditawarkan di Universiti.
- d. Koleksi Media
Terdiri daripada bahan bukan bercetak seperti video, cakera padat, disket, kit dan sebagainya.
- e. Koleksi Bacaan Ringan
Terdiri daripada buku fiksi seperti novel, koleksi cerpen dan komik yang dihasilkan oleh pengarang terkemuka.
- f. Koleksi Jurnal & Majalah
Terdiri daripada jurnal dan majalah bercetak yang dilanggan oleh Perpustakaan.
- g. Koleksi Terhad/ Ilmiah Universiti
Terdiri daripada tesis yang dihasilkan oleh para pelajar peringkat sarjana dan kedoktoran, laporan projek tahun akhir yang dihasilkan oleh pelajar tahun akhir sarjana muda, laporan industri oleh pelajar yang telah mengikuti latihan industri.
- h. Koleksi Diraja
- i. Koleksi Nobel Laureates

7. AKTIVITI PENGKATALOGAN & PENGKELASAN

a. JENIS PENGKATALOGAN

- i. Pengkatalogan Salinan
 - a) Proses pengkatalogan salinan dilaksanakan oleh pembantu perpustakaan di bawah seliaan dan pemantauan Pustakawan Unit Katalog & Metadata.
 - b) Pengkatalogan salinan perlu dilaksanakan apabila sesuatu bahan tersebut mempunyai salah satu kriteria berikut:
 - a. Mempunyai maklumat katalog bercetak atau *Cataloging in Publication (CIP)* yang lengkap pada bahan.
 - b. Terdapat maklumat katalog yang lengkap dalam mana-mana katalog atas talian yang lain
- ii. Pengkatalogan Asal
 - a) Pengkatalogan asal dilaksanakan oleh Pustakawan Unit Katalog & Metadata apabila proses pengkatalogan yang dibuat tidak memenuhi semua kriteria pengkatalogan salinan.
 - b) Pustakawan bertanggungjawab menentukan entri utama, nombor pengkelasan, tajuk perkara dan pengkatalogan deskriptif.

8. PIAWAIAN PENGKATALOGAN

Pengkatalogan bahan dilakukan berdasarkan kepada piawaian antarabangsa dan tempatan. Piawaian yang digunakan adalah seperti berikut:

- a) Resource Description & Access (RDA)
- b) Library of Congress Subject Headings (LCSH) – bagi menentukan judul perkara
- c) Library of Congress Classification Systems (LCC) – bagi menentukan nombor pengkelasan
- d) Tajuk Perkara Perpustakaan Negara Malaysia
- e) Dasar Pengkatalogan dan Pengkelasan

9. DOKUMEN RUJUKAN

Dokumen-dokumen lain juga dijadikan sebagai rujukan semasa melakukan proses pengkatalogan. Antara dokumen rujukan yang digunakan adalah seperti berikut:

- a) Manual pengkatalogan bahan (manual guna connexion, manual guna virtua, manual import/eksport)
- b) SuperClass LCC (Gale's Library of Congress Classification Schedules)
- c) Library of Congress Subject Headings (LCSH)
- d) Marc 21
- e) Cutter Sanborn
- f) Malaysian Academic Library Union Catalog (MALCat) – online
- g) Resource Description and Access Toolkit (RDA Toolkit) – online
- h) Classification Web – online

10. NOMBOR PANGGILAN

- a. Nombor panggilan mempunyai beberapa aras. Minimum nombor panggilan mempunyai 4 aras .
- b. Aras Keterangan
 - i. Lokasi Perpustakaan
 - ii. Kod jenis koleksi (Rujukan/ Fiksyen)
 - iii. Kod buku bersaiz folio+ Nombor Pengkelasan (Alphabet+Numeric)
 - iv. Nombor Pengarang atau nombor *cutter* entri utama
 - v. Tahun Penerbitan
 - vi. Buku berjilid (*volume*)/ Naskhah tambahan

Koleksi rak terbuka (Pauh)

\a TJ811 \b N948 2012

Pauh TJ811 N948 2012

Koleksi rak terbuka (Kangar)

Kangar TJ811 N948 2012

Koleksi Rujukan (Pauh)

\a TJ811 \b N948 2012 \d r

Pauh r TJ811 N948 2012

Koleksi Rujukan (Kangar)

Kangar r TJ811 N948 2012

Koleksi buku bersaiz besar (Folio)

\a TJ811 \b N948 2012 \c f

Pauh
fTJ811
N948
2012

Buku Naskhah Tambahan

\a TJ811 \b N948 2012 c.2

Pauh
TJ811
N948
2012
c.2

Buku berjilid

\a TJ811 \b N948 2012 v.2 c.3

Pauh
TJ811
N948
2012
v.2 c.3

Koleksi Bacaan Ringan

\a F RAMB 2012

Pauh
F
RAMB
2012

- c. Sila guna simbol-simbol berikut:

f	Buku bersaiz besar – melebihi 28 cm
ff	Buku bersaiz besar – melebihi 33 cm
r	Buku rujukan
rb	Restricted book

- d. Simbol tersebut perlu diletak selepas tahun/ volume/ copy (dalam sistem)

Dalam Sistem : \a Class Number \b Cutter Number tahun \c f/ ff \d r/ rb

- e. Bagi nombor pengkelasan yang memerlukan cutter nama negara (*May Subd Geog*):

NEGARA	KOD CUTTER
Malaysia	M2
United States	U5
United Kingdom/ Great Britain	U6
Europa	E89
Russia	R9
Oceania	C3
Singapore	S6
Spain	S73
India	I4
Palestin	P15
Indonesia	I5

- f. Sekiranya nombor cutter untuk negara telah disediakan bersama nombor pengkelasan, gunakan yang sedia ada.

11. MARC 21

Berikut adalah senarai *MARC tag* yang diguna semasa proses pengkatalogan bahan

<i>Marc Field Tag</i>	<i>Marc Field</i>
006	<i>Fixed Length Data Elements – Additional Material Characteristic</i>
007	<i>Physical Description Fixed Field</i>
008	<i>Fixed Length Data Elements – General Information</i>
020	<i>ISBN</i>
022	<i>ISSN</i>
090	<i>Call Number</i>
100	<i>Main Entry – Personal Name (NR)</i>
110	<i>Main Entry – Corporate Name (NR)</i>
111	<i>Main Entry – Meeting Name (NR)</i>
245	<i>Title Statement (NR)</i>
246	<i>Varying Form of Title (R)</i>
250	<i>Edition (NR)</i>
264	<i>Publication, Distribution, Etc., Area (NR)</i>
300	<i>Physical Description (R)</i>
336	<i>Content Type (R)</i>
337	<i>Media Type (R)</i>
338	<i>Carrier Type (R)</i>
490	<i>Series Statement (R)</i>
500	<i>General Note (R)</i>
504	<i>Bibliography, etc. note</i>
505	<i>Formatted Contents Note (NR)</i>
600	<i>Subject Added Entry--Personal Name (R)</i>
650	<i>Subject Added Entry--Topical Term (R)</i>
651	<i>Subject Added Entry--Geographic Name (R)</i>
700	<i>Added Entry--Personal Name (R)</i>
710	<i>Added Entry--Corporate Name (R)</i>
711	<i>Added Entry--Meeting Name (R)</i>
830	<i>Series Added Entry--Uniform Title (R)</i>

12. BAHAN EDISI/ NASKHAH TAMBAHAN (17 Julai 2014)

- a. Bahan perlu dikatalog dalam rekod bibliografik yang berasingan dan menggunakan nombor panggilan yang sama, iaitu nombor pengkelasan dan nombor cutter yang sama berdasarkan naskhah awal yang terdapat dalam koleksi perpustakaan apabila bahan tersebut mempunyai:
 - i. Edisi yang mempunyai judul yang sama
 - ii. Tahun yang berbeza
 - iii. Nombor ISBN yang berbeza kerana:
 - a) Edisi berlainan (Second edition, Third edition, SI Unit/ International Student Edition) ... dan/atau
 - b) Buku berkulit tebal/ nipis
 - iv. Rekabentuk kulit buku berbeza
 - v. Penerbit sama/ berbeza
- b. Bahan perlu dikatalog dalam rekod bibliografik yang sama, menggunakan nombor panggilan yang sama dan nombor cutter perlu ditambah mengikut prinsip yang lebih awal didahulukan sekiranya:
 - i. Edisi yang mempunyai judul yang sama
 - ii. Tahun yang sama
 - iii. Nombor ISBN yang berbeza kerana:
 - a) Edisi berlainan (Second edition, Third edition, SI Unit/ International Student Edition) ... dan/atau
 - b) Buku berkulit tebal/ nipis
 - iv. Rekabentuk kulit buku sama
 - v. Penerbit sama
- c. Bahan menjadi naskhah tambahan dan perlu dikatalog dalam rekod bibliografik yang sama serta perlu ditambah nombor naskhah tambahan (seperti c.2, c.3, c.4,...) apabila:
 - i. Edisi yang mempunyai judul yang sama
 - ii. Tahun yang sama
 - iii. Nombor ISBN yang sama
 - iv. Keadaan fizikal buku yang sama
 - v. Rekabentuk kulit buku sama
 - vi. Penerbit yang sama

13. BAHAN IRINGAN DAN *SOLUTION MANUAL*

- a. Nombor panggilan bagi bahan iringan dan *solution manual* adalah sama dengan bahan asal (teks).
- b. Tidak perlu tambah nombor cutter atau meletakkan kod 'c' sebagai naskhah tambahan.
- c. Dikatalog dalam satu rekod bibliografik yang sama dengan bahan asal (teks).
- d. Diletak kod 'r' pada item, iaitu sebagai bahan rujukan yang hanya boleh digunakan di perpustakaan sahaja.
- e. Sekiranya buku teks mempunyai saiz kurang dari 28 cm, manakala saiz bahan iringan lebih dari 28 cm, sila ikut saiz buku teks.
- f. Sekiranya buku teks mempunyai saiz lebih 27 cm, manakala saiz bahan iringan kurang dari 28 cm, sila ikut saiz buku teks. Letak simbol 'f' pada nombor panggilan.
- g. Sekiranya bahan iringan adalah bahan media, lokasi bahan adalah dalam koleksi bahan media dan simbol 'f' tidak diperlukan untuk nombor panggilan.

14. BUKU STANDARD

- a. Bagi standard yang diterbitkan oleh sesebuah organisasi, firma seperti ASTM, diletakkan dalam koleksi rujukan
- b. Bagi standard yang diterbitkan oleh penerbit popular seperti Thompson, McGrawHill dll atau bagi yang mempunyai penanggungjawab individu, diletakkan dalam koleksi rak terbuka

15. BUKU AKTA

Diletakkan dalam koleksi rak terbuka

16. NOMBOR CUTTER

a. Cutter nama pengarang/ penanggung jawab

- i. Hanya cutter nama pengarang/ penulis/ penanggungjawab
- ii. Permulaan nama penulis yang tidak perlu di cutter, sila cutter nama selepasnya.

<p style="text-align: center;">Al- Ab Abd Abdul Ahmad</p>	<p style="text-align: center;">Md Mad Mat Mohd Mohamad Mohamed Muhamad Muhammad</p>	<p style="text-align: center;">Nik Wan Meor Mior</p>	<p style="text-align: center;">Syed Syeikh Sheikh Singh Ibn Ibnu Ibnul</p>
---	---	--	--

iii. Permulaan nama penulis yang perlu di cutter:

<p style="text-align: center;">St. Saint EI-</p>
--

- iv. Nombor cutter 'O' tidak digunakan, oleh itu sekiranya ejaan nama penanggungjawab bermula dengan huruf 'O', sila cutter huruf selepasnya.
- v. Pengecualian untuk bahan seperti bibliografi dan direktori, di mana penanggungjawabnya adalah penyusun (*compiler*), perlu cutter nama penyusun tersebut

b. Cutter nama judul

- i. Sekiranya bahan tiada nama pengarang/ penulis/ penanggungjawab atau bahan tersebut mempunyai penyelenggara, penyelaras, editor, penterjemah, ilustrator (pelukis ilustrasi) atau *editor of compilation* – perlu cutter judul (ambil huruf atau abjad yang paling hampir dengan *cutter sanborn*)
- ii. Nombor cutter 'O' tidak digunakan, oleh itu sekiranya ejaan judul bermula dengan huruf 'O', sila cutter huruf selepasnya.
- iii. Perkataan 'a', 'an' dan 'the' juga tidak boleh di cutter. Sila guna huruf selepas ayat tersebut.

c. Cutter nama badan korporat

Cutter nama Malaysia bagi entri badan selembaga dari Malaysia.

Contohnya:

Malaysia. Kementerian Kewangan. M2

d. Cutter nama Persidangan/ Seminar

Cutter nama persidangan/ seminar/ mesyuarat yang menjadi entri utama sesuatu bahan.

17. PENENTUAN ENTRI UTAMA

Dua jenis entri utama :

- a) Entri pengarang
- b) Entri judul

ENTRI PENGARANG

i) Individu sebagai pengarang:

Jika buku dikarang oleh seorang, dua atau tiga orang individu tetapi tidak melebihi tiga, entri utama di bawah pengarang pertama. Sila rujuk tag 100.

ii) Badan korporat sebagai pengarang:

Jika tidak ada pengarang perseorangan dan isi kandungan buku mengenai aspek-aspek tertentu badan korporat (kerajaan, agensi kerajaan, badan berkanun, institusi, persatuan, dan sebagainya) dan biasanya terdapat dalam laporan / laporan tahunan badan korporat, masukkan entri utama di bawah badan korporat. Sila rujuk tag 110

iii) Nama persidangan sebagai pengarang:

Jika nama persidangan / mesyuarat / bengkel / seminar diketahui dan maklumatnya tertera di muka surat judul atau *verso title* (verso muka surat judul), masukkan nama persidangan di bawah entri utama. Sila rujuk tag 111

ENTRI JUDUL

- a) Bahan yang tiada pengarang (disunting, disusun, diterjemah dan sebagainya).
- b) Bahan persidangan tetapi nama persidangan tidak diketahui atau maklumat persidangan terdapat selain di muka surat judul atau *verso title*.
- c) Bahan berjilid yang mempunyai siri yang sama tetapi judul yang berlainan. (siri sebagai entri judul).

NOMBOR PENGKELASAN LIBRARY OF CONGRESS UNTUK INDIVIDUAL INSTITUTIONS

INSTITUSI	NOMBOR PENGKELASAN
Universiti Utara Malaysia	LG173.S56
Universiti Sains Malaysia	LG173.P5
Universiti Kebangsaan Malaysia	LG173.K82
Universiti Malaya	LG173.K83
Universiti Putra Malaysia	LG173.S45
Universiti Teknologi Malaysia	LG173.K85
Universiti Islam Antarabangsa	LG173.K84
Universiti Malaysia Sabah	LG173.K58
Universiti Malaysia Sarawak	LG173.K63
Universiti Teknologi MARA	LG173.S52
Universiti Malaysia Perlis	LG173.K16
Universiti Pendidikan Sultan Idris	LG173.P3
Universiti Malaysia Kelantan	LG173.K45
Universiti Malaysia Pahang	LG173.P2
Universiti Malaysia Terengganu	LG173.T4
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	LG173.B37
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	LG173.M44
Universiti Selangor	LG173.K87
Universiti Sains Islam Malaysia	LG173.U55
Universiti Pertahanan nasional Malaysia	LG173.S4
Universiti Teknologi PETRONAS	LG173.T2
Open University Malaysia	LG173.P6

PENGUNAAN TAG FIXED-FIELD 008, 006 & FIELD 007

FORMAT BAHAN	006	007	008
BAHAN MONOGRAF TANPA IRINGAN (BUKU, TESIS, FYP)			/
BAHAN MONOGRAF + BAHAN IRINGAN (CD)	/	/	/
BAHAN MEDIA - PETA		/	/
BAHAN MEDIA - KAD IMBAS		/	/
BAHAN BERCETAK TERBITAN BERKALA			/
JURNAL ELEKTRONIK (ONLINE)	/	/	/
JURNAL ELEKTRONIK (CD-ROM)	/	/	/
LAMAN WEB		/	/
BAHAN MEDIA (PDF) – CD-ROM	/	/	/
BAHAN MEDIA (MUZIK/AUDIO) – CD-ROM		/	/
BAHAN MEDIA (FILEM/GAMBAR) – CD-ROM/VCD/DVD		/	/
BUKU ELEKTRONIK (PDF) -ONLINE	/	/	/

